

Persepsi Pelajar 4 SPH Di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Kesedaran Dalam Bidang Keusahawanan

Shahrin Bin Hashim & Radiah Bt Md Yasin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar 4 SPH sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia terhadap kesedaran dalam bidang keusahawanan. Responden kajian ini terdiri daripada 123 orang. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang dibina bagi menjawab empat persoalan kajian. 40 item digunakan dalam kajian ini. Keesahan item dalam soal selidik telah dilakukan oleh seorang pakar dalam bidang ini. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dalam kajian rintis dan nilai Alpha Crobach yang diperolehi ialah 0.94. Data di analisis menggunakan *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 14.0 untuk mendapatkan nilai min, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan bidang keusahawanan. Nilai keusahawanan dan faktor persekitaran juga berada pada tahap yang tinggi, manakala kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan berada tahap yang sederhana. Penyelidik mensyorkan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk mempertingkatkan keberkesanan dalam menanam minat terhadap bidang keusahawanan.

Katakunci : persepsi pelajar, kesedaran dalam keusahawanan

Pengenalan

Keusahawanan dan usahawan memainkan peranan yang kritikal dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Ia berhubung dengan kepentingan dan keperluan hidup terhadap kelebihan memperbaharui dan mempelbagaikan ekonomi serta mencipta pekerjaan baru. Berdasarkan kandungan yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 yang menyatakan tentang penyusunan semula ekonomi dan membasmi kemiskinan. Penyusunan semula ekonomi ini lebih kepada untuk menyeimbangkan peratusan penglibatan rakyat negara ini ke dalam bidang perniagaan mengikut bangsa. Maka di sini, jelaslah menunjukkan bahawa bidang keusahawanan itu penting dan mempunyai skop yang luas.

Majoriti masyarakat Malaysia adalah terdiri daripada golongan belia, iaitu dalam lingkungan 15 tahun hingga 40 tahun. Khairudin (1996) menyatakan, selaras dengan matlamat negara kita yang menuju ke arah negara perindustrian dan seterusnya negara maju pada tahun 2020. Malaysia memang memerlukan penglibatan dan sumbangan para usahawan terutama di kalangan generasi muda untuk mendapat pendidikan formal dalam bidang tersebut.

Asas pendidikan keusahawanan telahpun bermula diperingkat sekolah rendah lagi, dan terus berkembang di peringkat yang lebih tinggi. Malah kurikulum bagi setiap komponen mata pelajaran kemahiran hidup dan rekacipta di sekolah rendah dan menengah ada mengandungi unsur perniagaan dan keusahawanan bagi member pendedahan pelajar dalam bidang keusahawanan.

Dalam peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT), kurikulum keusahawanan telah diperluaskan lagi. Kursus keusahawanan ditawarkan kepada pelajar adalah bertujuan memperkenalkan pelajar kepada konsep-konsep dan teori-teori asas keusahawanan. Ini melibatkan pelbagai takrif-takrif keusahawanan, sifat keusahawanan, serta kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh seorang usahawan. Selain itu juga kurikulum ini mengandungi

sumbangan usahawan, ciri-ciri usahawan dan membincangkan contoh semasa usahawan yang berjaya dalam konteks Malaysia. Perkara yang penting di sini, pelajar diberi pendedahan kepada garis panduan untuk memulakan perniagaan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk memajukan perniagaan mereka.

Jelaslah di sini, kurikulum terus berkembang selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta member sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Penyataan masalah

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap kesedaran dalam bidang keusahawanan. Penyelidik ingin mengenal pasti sejauh manakah kecenderungan pelajar kepada bidang keusahawanan di samping faktor persekitaran yang mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan. Kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran pelajar mengenai kepentingan bidang keusahawanan dan mengenalpasti nilai keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar tersebut.

Objektif

Tujuan kajian ini dibuat untuk meninjau dan mengenal pasti :

- (i) mengenalpasti kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- (ii) mengenalpasti faktor persekitaran mempengaruhi pelajar cenderung dalam bidang keusahawanan.
- (iii) mengenal pasti kesedaran pelajar tentang kepentingan bidang keusahawanan.
- (iv) mengenal pasti nilai keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar.

Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini dapat memberi kepentingan kepada :


- (i) Pembangunan kurikulum dan pendidikan dalam merancang kurikulum yang berteraskan kepada melahirkan individu yang boleh mengeluarkan idea yang kreatif, inovatif dan inventif. Disamping menitik beratkan unsur-unsur keusahawanan dalam pendidikan.
- (ii) Kerajaan untuk mengenalpasti peluang pembangunan negara dalam bidang ekonomi. Disamping memperkasakan negara dalam mencapai wawasan 2020, serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.
- (iii) Kementerian Pelajaran dimana untuk meningkatkan kaedah pembelajaran dan menyediakan program yang lebih berkesan untuk menimbulkan minat pelajar terhadap keusahawanan .
- (iv) Sekolah untuk melaksanakan program yang untuk pelajar, ibu bapa dan pendidik dalam menghayati dan memahami bidang keusahawanan. Disamping memberi beluang kepada belajar melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Kerana program keusahawanan adalah satu program yang baik untuk mengasah bakat keusahawanan, dan apa yang lebih penting ialah nilai-nilai keusahawanan yang diperolehi sepanjang menyertai program keusahawanan yang berguna di alam pekerjaan.
- (v) Hasil daripada kajian ini dapat dijadikan rujukan atau panduan kepada penyelidik akan datang yang ingin menjalankan kajian yang hampir sama atau membuat kajian

lanjut mengenai kajian ini untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih baik pada masa hadapan.

Reka bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah persepsi pelajar terhadap kesedaran dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar tahun 4 SPH sesi 2007/2008 Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (JPTK) di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti beberapa pembolehubah-pembolehubah bersandar dalam bidang keusahawanan seperti tahap kecenderungan pelajar, faktor persekitaran, tahap kesedaran dan nilai-nilai keusahawanan yang dimiliki orang seseorang pelajar. Dalam aspek kecenderungan menyentuh mengenai minat dan bakat pelajar dalam bidang keusahawanan. Manakala dalam aspek persekitaran pula menilai aspek rakan, politik dan pendidikan.



Rajah 1 Reka bentuk kajian yang digunakan.

Kajian ini dijalankan dalam bentuk deskriptif. Penyelidikan Deskriptif menerangkan tentang sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau mendapat maklumat mengenai sesuatu peristiwa dan data-data mengenai persoalan kajian diperolehi secara soal selidik (Mohd Najib Ghafar, 1999).

Kaedah ini melibatkan pengumpulan data-data, menjadualkan data, membuat interpretasi, membuat perbandingan dan merumus.

Persampelan kajian

Persampelan rawak kelompok merupakan jenis persampelan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini, kerana populasi yang digunakan adalah seramai 181 orang. Mengikut jadual penentuan saiz sample berdasarkan populasi Krejchie dan Morgan dalam Azizi (2006) sampel yang diambil daripada populasi tersebut ialah 123 orang sahaja. Pemilihan persampelan daripada pelajar 4 SPH adalah :

- (i) (i) Pelajar ini telah didedahkan dengan mata pelajaran keusahawanan
- (ii) (ii) Pelajar ini dianggap sebagai bakal pendidik yang akan memberi pendedahan kepada bakal pelajar mereka mengenai bidang keusahawanan.
- (iii) (iii) Pelajar ini dianggapkan sudah matang untuk memilih dan memahami diri mereka sendiri serta dapat membuat penilaian tentang diri mereka.

Instrumen kajian

Soal selidik adalah instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data. Sebanyak 123 set soalan soal selidik disediakan bagi tujuan kajian ini. Setiap satu set soal selidik mengandungi dua bahagian:-

Bahagian A : Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi maklumat diri seperti jantina, umur, bangsa, latar belakang keluarga, pengalaman berniaga dan penyertaan dalam bidang keusahawanan. Responden dikehendaki menandakan (") atau menyatakan dalam petak atau ruang yang disediakan di dalam ruangan tersebut.

Bahagian B : Item Soal Selidik

40 item dengan menggunakan skala likert dalam bahagian B. Skala jenis ini digunakan kerana ianya dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap maklum balas responden. Skala ini mengandungi 5 skor yang perlu dijawab oleh responden.

1. Amat tidak setuju (ATS).
2. Tidak setuju (TS).
3. Tidak pasti (TP).
4. Setuju (S).
5. Amat setuju (AS).

Bahagian B ini mengandungi soal selidik yang ada hubungkait dengan persepsi pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Jadual 1 Pembahagian item mengikut persoalan kajian

Persoalan Kajian	Nombor Item	Bil Item
Mengenalpasti kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.	1, 2, 9, 10, 17, 18, 25, 26, 33, 34	10
Mengenalpasti faktor persekitaran mempengaruhi pelajar cenderung dalam bidang keusahawanan	3, 4, 11, 12, 19, 20, 27, 28, 35, 36, 37	11
Mengenal pasti kesedaran pelajar tentang kepentingan bidang keusahawanan	5, 6, 13, 14, 21, 22, 29, 30,	8
Mengenal pasti nilai keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar	7, 8, 15, 16, 23, 24, 31, 32, 38, 39, 40	11

Menurut Mohd Majid (1999), penggunaan instrumen soal selidik dapat meningkatkan ketepatan yang diberikan oleh responden kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik.

Menurut Crasks et al dalam Faridah (2002), skala Likert meminta responden melahirkan tahap persetujuan mereka dengan siri kenyataan yang berkaitan untuk mengukur sikap yang dinilai dan keseluruhan pengukuran adalah diperolehi dari menghuraikan maklumbalas individu.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji dari sudut kefahaman pelajar dari segi tatabahasa, isi kandungan, keesahan dan kebolehpercayaan item soalan soal selidik. Kajian rintis tersebut telah dijalankan keatas 10 orang pelajar SPH yang dipilih secara rawak. Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan perisian SPSS.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang responden yang dipilih secara rawak dan ianya tidak termasuk di dalam sampel kajian. Soal selidik telah di analisis menggunakan program SPSS version 14.0. Ujian kebolehpercayaan atau *reliability analysis* bagi semua item dan semua pesoalan kajian telah dianalisis. Ujian kebolehpercayaan memperolehi pekali *Alpha Cronbach* 0.94. Nilai ini menunjukkan item – item dalam soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan.

Menurut Majid (2000), menyatakan bahawa kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 hingga 0.9 adalah mempunyai kebolehpercayaan soalan yang tinggi.

Analisis Data

Bagi mengetahui kesedaran pelajar tentang kepentingan bidang keusahawanan, 8 item telah dikemukakan kepada responden. Item tersebut adalah 5, 6, 13, 14, 21, 22, 29, dan 30.

Jadual 2 Taburan responden mengikut kekerapan, peratus dan min kesedaran tentang kepentingan bidang keusahawanan. ($n = 123$)

Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
	f	%	f	%	f	%	
5. mampu menjadikan seorang itu jutawan.	12	9.8	12	9.8	99	80.5	4.05
6. **merupakan aspek yang penting dalam pembangunan ekonomi negara.	2	1.6	9	7.5	112	91.1	4.28
13. **memberi banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat.	1	0.8	7	5.7	115	93.5	4.28
14. menjadikan seseorang itu lebih kreatif dan berani.	1	0.8	11	8.9	111	90.5	4.23
21. banyak memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna.	3	2.4	10	8.1	110	89.4	4.09
22. menghasilkan banyak produk dan perkhidmatan terbaru dapat dipasaran.	1	0.8	8	6.5	114	92.7	4.22
29. dapat memaksimum sumber dan mengurangkan pembaziran.	5	4.1	18	14.6	100	81.3	4.00
30. *Sennua orang berpotensi menjadi usahawan.	21	17.1	20	16.3	82	66.7	3.67
PURATA KESELURUHAN	6	4.7	12	9.7	105	85.7	4.10

Petunjuk : * Nilai min terendah

** Nilai min tertinggi

Jadual 2 menunjukkan lebih terperinci mengenai kesedaran pelajar terhadap kepentingan bidang keusahawanan. Hasil analisis menunjukkan item 6 dan item 13 memperolehi nilai min yang tertinggi iaitu 4.28. Ini bermakna responden menilai bahawa bidang keusahawanan merupakan aspek yang penting dalam pembangunan ekonomi negara dan banyak memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat. Dengan mendapat majoriti responden yang bersetuju sebanyak 112 orang responden (91.1 peratus) bagi item 6 dan 115 orang responden (93.5

peratus) menunjukkan item ini berada pada tahap tinggi. Bilangan responden yang tidak bersetuju hanyalah dua orang responden (1.6 peratus) pada item 6 dan seorang (0.8 peratus) pada item 13.

Dalam item 14, penyelidikan cuba mendapatkan persepsi responden dengan pernyataan bahawa bidang keusahawanan menjadikan seseorang itu lebih kreatif dan berani. Berdasarkan data yang diperolehi hanya seorang responden (0.8 peratus) sahaja yang tidak setuju dan 11 orang responden (8.9 peratus) yang menyatakan tidak pasti. Selebihnya responden menyatakan setuju iaitu seramai 111 orang (90.5 peratus). Nilai min bagi item ini ialah 4.23 iaitu di tahap yang tinggi.

Dalam item 22, pernyataan mengenai dengan kewujudan bidang keusahawanan banyak produk dan perkhidmatan terbaru dapat dipasarkan. Hasil daripada analisis menunjukkan seramai 114 orang responden (92.7 peratus) bersetuju. Walaubagaimanapun masih terdapat seorang responden (0.8 peratus) yang tidak setuju dan lapan orang responden (14.6 peratus) yang tidak pasti. Min bagi item ini ialah 4.22 iaitu berada di tahap yang tinggi.

Item 21 mengemukakan pernyataan bahawa bidang keusahawanan banyak memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna. Seramai tiga orang (2.4 peratus) responden berpendapat mereka tidak setuju dan 10 orang responden (8.1 peratus) turut menyatakan tidak pasti dengan pernyataan ini. Majoriti responden menyatakan setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 110 orang (89.4 peratus). Nilai min bagi item ini ialah 4.09 iaitu di tahap tinggi.

Item 5 menunjukkan kepada pernyataan 'bidang keusahawanan mampu menjadikan seorang itu jutawan'. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa 12 orang (9.8 peratus) responden menyatakan bahawa mereka tidak setuju manakala 12 orang responden (9.8 peratus) lagi tidak pasti. Responden yang bersetuju adalah seramai 99 orang (80.5 peratus). Nilai min bagi item ini ialah 4.05 iaitu di tahap tinggi.

Item seterusnya iaitu item 29 adalah berkaitan dengan bidang keusahawanan dapat memaksimum sumber dan mengurangkan pembaziran. Dalam konteks persoalan ini, terdapat lima orang (4.1 peratus) responden yang menyatakan mereka tidak bersetuju dan seramai 18 orang responden (14.6 peratus) tidak pasti. Terdapat 100 orang (81.3 peratus) responden yang selebihnya berpendapat ber setuju. Nilai min bagi item ini ialah 4.0 iaitu di tahap yang tinggi.

Daripada dapatan kajian, item 30 memperoleh nilai min yang terendah iaitu 3.67. ini menunjukkan bahawa responden kurang yakin untuk menganggap semua orang berpotensi menjadi usahawan. Dapatan kajian menunjukkan 21 orang responden (17.1 peratus) menyatakan tidak setuju. Seramai 82 orang (66.7 peratus) responden yang bersetuju dan terdapat 20 orang responden (16.3 peratus) adalah menyatakan tidak pasti dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun item ini masih berada pada tahap tinggi.


Dari jadual 4.12 di atas, peratusan purata keseluruhan, bagi responden yang bersetuju adalah tinggi iaitu 85.7 peratus di ikuti dengan dengan peratusan bagi tidak pasti iaitu 9.7 peratus. Manakala hanya 4.7 peratus untuk pelajar yang amat tidak setuju. Ini menunjukkan nilai purata min ialah 4.10 iaitu berada di tahap yang tinggi.

Jadual 3 Taburan bilangan responden mengikut tahap kesedaran pelajar terhadap kepentingan bidang keusahawanan.

Tahap	Bilangan	Peratusan
Rendah	1	0.8
Sederhana	16	13.0
Tinggi	106	86.2

Jadual 3 menunjukkan rumusan taburan bilangan responden mengikut tahap kesedaran pelajar terhadap kepentingan bidang keusahawanan. Kesedaran pelajar 4 SPH sesi 2008/2007 di Universiti Teknologi Malaysia adalah tinggi iaitu sebanyak 106 orang responden (86.2 peratus) nilainya pada tahap yang tinggi. Seramai 16 orang responden (13 peratus) berada pada tahap sederhana dan hanya seorang responden (0.8 peratus) sahaja yang berada pada tahap yang rendah.

Perbincangan



Rajah 1 Taburan min mengikut kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Dengan merujuk kepada rajah 1 di atas, dapatlah disimpulkan bahawa hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai minat dan cenderung di dalam pendidikan keusahawanan. Item 18 memperoleh nilai min tertinggi yang menyatakan, pendidikan keusahawanan dapat meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Ini disokong oleh Nor Aishah (2002), pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah berupaya mengenal pasti membentuk dan mempengaruhi pelajar yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Dengan ini jelaslah bahawa pendidikan keusahawanan dapat memupuk minat pelajar untuk cenderung dalam bidang keusahawanan.

Kecenderungan dalam bidang keusahawanan juga telah memberi pendedahan awal kepada responden melalui penglibatan dalam program keusahawanan. Di dapati sebahagian daripada responden pernah melibatkan diri dengan program keusahawanan. Dengan mengikuti program keusahawanan dapat membantu dalam memperkembangkan pengetahuan mereka dan tahap pendedahan terhadap bidang keusahawanan adalah tinggi dan keadaan ini perlu dimanfaatkan untuk melahirkan minat dalam bidang keusahawanan.

Hasil kajian menunjukkan, bakat seseorang mempengaruhi kecenderungan atau minat untuk melibatkan diri secara serius kepada bidang perniagaan. Menurut Syarifah Alwiah Al-Sagoff (1985), jika seseorang itu berminat dia akan member tumpuan sepenuhnya terhadap perkara yang diminatinya. Ini sebagai alat untuk mendorong seseorang pelajar menerokai lebih jauh daripada apa yang dipelajarinya. Walaupun bakat yang sedikit tetapi jika didorong dengan minat dan semangat yang kuat, mampu menjadikan individu yang berjaya.

Kajian menunjukkan nilai min terendah pada item 33 ini bermakna responden kurang mengikuti perkembangan bidang keusahawanan daripada media elektronik. Ini jelas menunjukkan bahawa media elektronik gagal mempengaruhi responden untuk mendapatkan maklumat mengenai bidang keusahawanan. Walaupun menurut Pauzi (2004) yang menyatakan

bahawa matlamat media penyiaran adalah sebagai penyalur maklumat yang berguna bagi membantu pandangan umum dalam apa-apa bidang sekalipun.

Dalam kajian Syanisah (2003) yang menunjukkan ramai pelajar mengikuti perkembangan dunia perniagaan melalui media elektronik dan media cetak. Ini kerana membaca artikel adalah faktor penyumbang kepada responden agar mereka banyak terdedah dengan infomasi yang berkaitan dengan keusahawanan dan dunia perniagaan. Ini bermakna responden lebih gemar menggunakan media cetak untuk mendapatkan maklumat berbanding media elektronik. Hal ini berlaku kerana terdapat banyak bahan bacaan berkaitan dengan dunia keusahawanan dan ianya boleh didapati di mana-mana.

Kesimpulannya, kecenderungan dan minat yang kuat boleh mendorong dan membakar semangat seseorang untuk menjadi gigih apabila berhadapan dengan sebarang cabaran dan masalah.

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat persepsi pelajar 4 SPH sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia terhadap kesedaran dalam bidang keusahawanan. Ini kerana bidang keusahawanan memainkan peranan yang penting di masa kini. Ia ditekankan disemua peringkat sama ada sekolah rendah, menengah dan institut pengajian tinggi bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan.

Daripada perbincangan, dapatlah dirumuskan bahawa kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan bidang keusahawanan di kalangan mereka. Kesedaran tentang sumbangan bidang keusahawanan yang banyak kepada masyarakat dan negara dari segi ekonominya. Kesedaran tentang kepentingan bidang keusahawanan yang tinggi akan dapat merealisasikan pembangunan modal insan dalam melahirkan individu yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan dan seterusnya melahirkan seorang usahawan yang dapat memberi sumbangan kepada ekonomi negara. Kesedaran yang tinggi sesuai dengan diri responden yang merupakan bakal pendidik. Sebagai bakal pendidik sewajarnya memiliki dan mempunyai minat terhadap bidang keusahawanan. Ini kerana pendidikan keusahawanan telah bertindak sebagai satu komponen merentasi kurikulum.

Aspek persekitaran adalah faktor yang paling banyak mempengaruhi kehidupan manusia. Persekitaran seperti rakan, media, kerajaan, politik dan undangundang sentiasa berhubung dengan di antara satu sama lain di dalam menjalani kehidupan harian. Dengan faktor persekitaran ini jugalah secara tidak langsung memberi kecenderungan dalam melibatkan diri kepada bidang keusahawanan. Hasil kajian jelas memperlihatkan bahawa kecenderungan responden terhadap bidang keusahawanan di pengaruhi oleh faktor persekitaran.

Perolehan daripada kajian mendapati kesemua nilai keusahawanan mendapat persepsi yang positif dan tinggi di kalangan pelajar 4 SPH. Dapatan kajian juga mendapati nilai keusahawanan seperti berani gagal, bersemangat tinggi, yakin, dan sanggup berkorban ada pada diri pelajar. Dengan ini pelajar telah memiliki nilai keusahawanan yang amat diperlukan untuk menjadi generasi yang cemerlang.

Hasil kajian menunjukkan nilai min bagi setiap persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi dan mempunyai persepsi yang positif terhadap bidang keusahawanan. Latihan dan pendidikan yang lebih banyak perlu diberikan supaya mereka lebih mantap dan yakin dengan keupayaan mereka. Di samping itu, kerajaan harus terus memainkan peranan dalam membangunkan usahawan di Malaysia. Beberapa kajian lanjutan boleh dibuat untuk mengetahui lebih dekat lagi mengenai perkembangan bidang keusahawanan pada generasi muda kini yang merupakan pewaris negara di masa hadapan.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Barjoyai Bardai (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan Bahagian 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bidang Perancangan Dasar dan Penilaian Kurikulum (1996) Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Chieng Kwong Ming (2003). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Lukisan Kejuruteraan di SMT Bukit Piatu Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Dewan Ekonomi (Mac 2000). *Asas Keusahawanan Melayu Belum Kukuh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 35.
- Faridah Mohd Ariff et all (2002). *Kajian kecenderungan mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (SHT) terhadap bidang*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Hashim Anang (2000). Usahawan Melayu perlu Kreatif . *Dewan ekomomi*. September. hlm 31 - 32
- Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2008*
- Nassrul Hakim Md Jani. (2007, Julai 13). Kokurikulum Keusahawanan Wajar dilaksanakan di sekolah, IPT. *Berita Harian*.
- Krejcie, R.V and Morgan D.W (1970) *Determining Sample Size for Rearch Activities*. Education and Psychological Measurement.
- Lambing, P.A dan Kuehl, C.R. (2000). *Entrepreneurship : 2 nd*. Prentice Hall. New Jersey
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Vokasional*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rahinah Saidin (1997). *Sikap Pelajar STP di UTM terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Syarifah Alwiah Al-Sagoff (1985). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Tengku Khairi A. Rahman (2000). Meneroka bidang keusaweahan dari peluang kepada wang. *Dewan Ekonomi*. September, hlm15 -16
- Usahawan Melayu Perlu Kembangkan Ilmu (2005, April 4) *Utusan Malaysia*.
- Wan Lis Ozman Wan Omar dan Sulzari Mohamed (2002). *Memperkasakan usahawan : Panduan lengkap pengurusan perniagaan dan penjanaaan usahawan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.